

Harga minyak lepasi AS\$50 setong

LONDON 4 Okt. - Harga minyak dunia jenis Brent telah melepasi AS\$50 (RM205) setong buat pertama kali sejak Ogos lalu, sebaik sahaja Iran menyatakan sokongan terhadap keputusan Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) untuk mengurangkan pengeluaran minyak.

Presiden Iran, Hassan Rouhani memberitahu rakan sejawatnya dari Venezuela, Nicolás Maduro mengenai kepentingan negara-negara pengeluar minyak mengambil langkah menaikkan semula harga komoditi itu, menurut agensi berita Iran IRNA.

Sokongan itu hadir selepas OPEC mengumumkan rancangan untuk mengurangkan keluaran minyak pada Rabu lalu, iaitu kali pertama tindakan tersebut dibuat oleh pertubuhan itu dalam tempoh lapang tahun.

Semalam, minyak jenis Brent yang menjadi rujukan pasaran Eropah dan Asia mencecah AS\$50.89 (RM208.65) setong iaitu tertinggi sejak 19 Ogos lalu. Malah

sepanjang sesi dagangan, harganya melonjak setinggi AS\$51.14 (RM209.67) setong.

Sementara itu minyak di pasaran Amerika Syarikat (AS), West Texas Intermediate (WTI) juga mengalami pengukuhan kepada AS\$49.02 (RM200.98) setong iaitu kedudukan tertingginya sejak 5 Julai lalu.

Kejatuhan sedikit nilai AS turut menggalakkan lagi pembelian komoditi itu, terutamanya daripada pembeli-pembeli yang menggunakan mata wang selain dolar AS.

Penganalisis Price Futures Group yang berpusat di Chicago, Phil Flynn berkata, keputusan oleh Iran itu bakal menarik perhatian negara-negara pengeluar minyak yang bukan merupakan ahli OPEC untuk menjayakan usaha meningkatkan harga minyak.

"Terdapat komitmen dari Rusia untuk terlibat sama dalam rancangan OPEC itu. Jika lebih ramai bukan ahli OPEC yang turut sama, harga minyak dunia akan meningkat," katanya. - REUTERS